

19/10/1998

Gerakan mahu pastikan BN kukuh

KUALA LUMPUR, Ahad - Gerakan akan menjelaskan kepada rakyat mengenai isu politik dan ekonomi semasa bagi memastikan Barisan Nasional (BN) terus memperolehi mandat kukuh dalam pilihan raya umum akan datang. Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata penjelasan itu perlu bagi memastikan orang ramai mendapat maklumat yang tepat, termasuk keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memecat timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya, pelantikan dan pemecatan anggota Kabinet adalah hak mutlak Perdana Menteri.

"Saya sendiri pernah tersingkir daripada jawatan Kabinet selama 13 tahun selepas dipecat daripada MCA.

"Walaupun disingkir saya tidak mengambil sebarang tindakan menentang keputusan Perdana Menteri atau parti, walaupun ketika kembali ke Ipoh lebih 10,000 penyokong menunggu kepulangan saya.

"Kita perlu menghormati keputusan Perdana Menteri kerana pelantikan seseorang itu adalah kuasa pemimpin nombor satu negara," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Forum Ketua Pegawai Operasi anjuran Institut Kepimpinan dan Strategik Asia (Asli), di sini hari ini.

Dr Lim berkata, beliau yakin BN akan terus memerintah negara selepas pilihan raya umum depan, walaupun ada kemungkinan majoriti kerusi yang dimenangi berkurangan.

"Keistimewaan Malaysia ialah kestabilan politiknya terjamin, manakala sistem pemerintahan BN yang dianggotai parti yang mewakili rakyat berbilang kaum dan agama pula tetap dipertahankan.

"Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein pernah memberitahu saya, Umno mampu menubuhkan kerajaan sendiri dengan kerusi yang dimenangi dalam pilihan raya tetapi tidak berbuat demikian kerana lebih mengutamakan perpaduan negara," katanya.

Menurutnya, penjelasan secara besar-besaran itu akan ditumpukan di Pulau Pinang bagi memastikan cita-cita DAP untuk memerintah negeri berkenaan terus terkubur.

Mengenai pelaburan asing, Dr Lim berkata, Malaysia terus menggalakkan pelaburan di negara ini walaupun memperkenalkan kawalan tukaran mata wang bagi mengelak spekulator asing.

"Kerajaan terus menggalakkan pelaburan jangka panjang dalam industri pembuatan dan perkhidmatan, tetapi tidak mahu wang panas dilaburkan dalam pasaran saham di negara ini.

"Langkah yang diambil penting bagi mengekal daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa," katanya.

(END)